

**NO SOALAN :39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
(PARIT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.07.2017**

**Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam menstabilkan nilai Ringgit Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang pada tahun 2015 dan 2016 bukanlah sesuatu yang unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya pengukuhan dolar AS.

2. Pada tahun 2017, nilai ringgit semakin stabil dan meningkat

sebanyak 4.5% (sehingga 17 Julai 2017) berbanding dolar AS. Ini disebabkan oleh kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia.

3. Selain penurunan nilai mata wang dolar AS, peningkatan nilai mata wang Ringgit sejak awal tahun ini turut disumbang oleh penunjuk-penunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif iaitu pertumbuhan eksport dan KDNK yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi yang semakin menggalakkan ini dapat membantu meningkatkan sentimen pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia pada penghujung tahun 2016.

5. Kesan langkah-langkah tersebut dapat dilihat di mana aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF) dalam pasaran luar pesisir telah berkurang. Volatiliti nilai ringgit juga telah

berkurang dengan ketara. Pertukaran mata wang asing bersih daripada eksport telah meningkat sejak Disember 2016. Pada bulan Mei 2017, pertukaran asing bersih berjumlah USD 1.1 bilion.

6. Pada bulan April 2017, FMC bersama-sama Bank Negara Malaysia, telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon. Selain itu, langkah tersebut juga memberi lebih fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk mengurus risiko dedahan kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan terus memperdalam pasaran pertukaran asing dan pasaran kewangan domestik, sekaligus meningkatkan permintaan aset kewangan ringgit dan seterusnya mengukuhkan kadar pertukaran ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada penghujung 2016 dan April 2017 telah menstabilkan nilai mata wang ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan.

8. Bagi memastikan kadar pertukaran mata wang ringgit lebih kukuh,

Kerajaan akan terus memberi tumpuan meningkatkan daya tahan, kepelbagaian dan daya saing ekonomi. Kadar pertukaran nilai ringgit dijangka lebih kukuh setelah faktor luaran semakin stabil.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' IR. NAWAWI BIN  
AHMAD [LANGKAWI]**

**TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 40**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian merancang untuk menyediakan peluang-peluang kontrak kepada kontraktor kelas kecil (berdaftar CIDB gred G1) melalui peruntukan-peruntukan kecil bagi menyelesaikan masalah-masalah masyarakat luar bandar.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian telah melaksanakan projek-projek kecil bagi tujuan penyediaan infrastruktur di kawasan luar bandar di bawah Projek Jalan Kampung (PJK) dan Program Ameniti Sosial (PAMS).

Projek-projek kecil ini merangkumi kerja-kerja tidak melebihi RM500,000.00 bagi kontraktor Gred G1 (RM200,000.00 dan ke bawah) dan Gred G2 (Melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00).

Walau bagaimanapun, tatacara perolehan perlulah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK2.1).